



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### MAJLIS PERASMIAN PENUTUP ANUGERAH KESUMA PLWS TAHUN 2024

---

1. **SEPANG, 29 OGOS 2024** – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah menganjurkan **Anugerah KESUMA *Productivity Linked-Wage System* (PLWS)** atau juga dikenali sebagai **Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti**. Majlis tersebut dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia di Hotel Sama-Sama KLIA hari ini.
2. Anugerah **KESUMA** PLWS Tahun 2024 ini merupakan pertandingan yang bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada syarikat-syarikat yang telah melaksanakan PLWS. Program ini juga merupakan perancangan inklusif untuk menyemarakkan usaha-usaha pembudayaan pelaksanaan PLWS dan peningkatan produktiviti dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta syarikat besar.
3. Bertepatan dengan konsep Malaysia MADANI, **KESUMA** mengutamakan jalinan kerjasama secara *tripartite* di antara Kerajaan, majikan, pekerja dan kesatuan sekerja bagi meningkatkan keharmonian perusahaan negara. Sehingga Julai 2024, sebanyak 100,944 buah syarikat telah melaksanakan PLWS berbanding 98,367 buah syarikat pada tahun 2023. Peningkatan sebanyak 2.6 peratus dari tahun 2023 ini merupakan peningkatan yang signifikan terhadap bilangan majikan yang melaksanakan PLWS sekaligus memberi peluang kepada 6,416,847 orang pekerja untuk menikmati faedah PLWS.
4. Kerajaan terus mempergiatkan usaha ini agar PLWS diterima pakai oleh semua majikan, pekerja dan kesatuan sekerja di negara ini selaras dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu meningkatkan kadar pampasan pekerja sebanyak 40 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2025.
5. **KESUMA** berharap penganjuran program ini dapat menjadi platform kepada pihak majikan, pekerja dan kesatuan sekerja berkongsi idea dan kemahiran mengenai inisiatif peningkatan gaji dan upah yang dikaitkan dengan produktiviti, selaras dengan **Konsep 3K** yang diperkenalkan oleh **KESUMA** iaitu **Kebajikan Pekerja, Kemahiran Pekerja dan Keberhasilan Pekerja**.

**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**29 OGOS 2024**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Sumber Manusia

Aras 4, Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 W.P. Putrajaya, Malaysia

Telefon: 03-8886 5000/2342 | Faks: 03-8889 2381 | E-mel: [www.mohr.gov.my](http://www.mohr.gov.my)

**LAMPIRAN****LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

**PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA**

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

**JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA**

| JABATAN                                            | AGENSI                                                      |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| Jabatan Tenaga Manusia (JTM)                       | Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)                     |
| Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)                 | Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) |
| Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)                | Human Resources Development Corporation (HRDC)              |
| Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) | Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)             |
| Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)  | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)              |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)     |                                                             |
| Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)         |                                                             |
| Jabatan Tenaga Kerja Sabah                         |                                                             |
| Jabatan Tenaga Kerja Sarawak                       |                                                             |